

Tahap Penguasaan Kemahiran Pedagogi Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Di Fakulti Pendidikan Utm, Skudai Johor

Johari Bin Hassan & Aslinda Binti Mohd Aris
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Kemahiran pedagogi merupakan salah satu aset yang mesti dikuasai oleh golongan pendidik bergelar guru. Ini kerana, penguasaan dalam kemahiran pedagogi dapat membantu menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan terancang dan teratur. Justeru itu, penyelidik ingin mengkaji tahap penguasaan kemahiran pedagogi di kalangan bakal-bakal guru yang terdiri daripada pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan UTM Skudai. Seramai 186 orang responden yang merupakan pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan terlibat dalam kajian ini yang dipilih secara rawak. Instrumen kajian ini menggunakan soal selidik yang mempunyai nilai kebolehpercayaan sebanyak 0.941 ($\alpha = 0.941$). Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package For Social Science for Windows (SPSS 13.0) bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan tahap keenam-enam aspek kemahiran pedagogi yang dikaji iaitu kemahiran perancangan pengajaran, strategi pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar, pengurusan bilik darjah, penilaian pengajaran serta pengayaan dan pemulihan mencatatkan nilai min keseluruhan melebihi 3.33 iaitu berada pada tahap yang tinggi di mana kemahiran perancangan pengajaran mencatatkan nilai min tertinggi sebanyak 4.21. Secara keseluruhannya, tahap penguasaan kemahiran pedagogi di kalangan pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan berada pada tahap tinggi dengan nilai min sebanyak 3.95. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan diantara jantina responden dengan kemahiran pedagogi yang dikaji.

Katakunci : kemahiran pedagogi, pendidik

Pengenalan

Malaysia merupakan negara yang sedang pesat membangun dan usaha memacu hala tuju negara ini perlulah disokong oleh sumber manusia yang berkualiti dan progresif. Sumber manusia perlu diperkembangkan potensinya secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang harmonis dan seimbang. Hal ini dapat dicapai melalui sistem pendidikan yang dilihat semakin mendapat perhatian semua pihak.

Penguasaan pedagogi di kalangan pendidik dan bakal pendidik adalah satu perkara yang amat penting dan tidak boleh dipandang ringan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) telah digariskan dengan menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Menurut Robert E. Slavin (1997), pedagogi itu adalah sebagai penghubung di antara apa yang guru mahu pelajarnya belajar dengan pembelajaran sebenar yang pelajarnya akan peroleh. Dalam konteks ini, golongan pendidik harus lebih peka dan kreatif untuk mengaplikasikan ilmu

pedagogi dalam pengajaran mereka agar ianya bersesuaian dengan keadaan pembelajaran pelajar dan akhirnya dapat mencapai objektif pengajaran.

Menurut N.S. Rajendran (2001), proses pengajaran dan pembelajaran dipengaruhi oleh beberapa pembolehubah dan satu amalan pengajaran dan pembelajaran yang berjaya dalam satu bilik darjah tidak semestinya akan juga berjaya dalam bilik darjah yang lain. Ini kerana, bilik darjah yang satu lagi tetap berbeza daripada bilik darjah yang sebelumnya dari aspek kesediaan guru, tahap pencapaian murid, bahan sumber pengajaran dan pembelajaran yang digunakan serta waktu mengajar.

Justeru itu, pengetahuan dan penguasaan dalam aspek-aspek pedagogi di kalangan golongan pendidik pastinya akan dapat membantu mereka dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran yang dirancang seterusnya dapat mencapai objektif pengajaran yang telah digariskan.

Pernyataan Masalah

Di Universiti Teknologi Malaysia, subjek pedagogi merupakan salah satu subjek pendidikan yang perlu diikuti oleh setiap pelajar di fakulti pendidikan. Subjek ini merupakan syarat wajib sebelum seseorang pelajar dapat mengambil kursus pengajaran mikro dan menjalankan latihan praktikal di sekolah menengah. Secara umumnya, subjek ini ditawarkan semasa pelajar berada dalam tahun 2 pengajian di Universiti Teknologi Malaysia.

Melalui subjek pedagogi yang diambil oleh pelajar, mereka akan berpeluang untuk mempelajari tentang aspek-aspek berikut iaitu:

- a) definisi pedagogi dari pelbagai aspek
- b) model-model pengajaran
- c) strategi pengajaran di bilik darjah
- d) strategi pengajaran KBSM
- e) kaedah pengajaran
- f) objektif pengajaran
- g) perancangan pengajaran
- h) kemahiran pengajaran mikro
- i) pengurusan bilik darjah
- j) penilaian, pengukuran dan pengujian
- k) pengayaan dan pemulihan
- l) isu berkaitan profesionalisme perguruan

Guru merupakan aset penting dalam pendidikan. Pengajaran yang berkualiti adalah hasil daripada mereka yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan pada suatu disiplin ilmu tersebut. Kenyataan ini turut disokong oleh Ryan, D.G. dalam Crow & Crow (1983), iaitu guru yang efektif ialah guru-guru yang mempunyai sifat-sifat seperti berikut :

- a. Mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam mata pelajaran yang diajarnya.
- b. Mempunyai imaginasi yang tinggi untuk membolehkannya membuat pelbagai contoh yang dapat membantu pelajar memahami sesuatu konsep dengan mudah.
- c. Dapat menggunakan alatan dan bahan pengajaran dengan baik dalam pengajarannya.

Justeru itu, penyelidik ingin melihat sejauh manakah tahap penguasaan kemahiran pedagogi di kalangan pelajar tahun akhir di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia dari aspek perancangan pengajaran, strategi pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar,

pengurusan bilik darjah, penilaian pengajaran serta pengayaan dan pemulihan. Kemahiran-kemahiran ini adalah penting bagi mereka dalam mempersiapkan diri untuk menceburi profesionalisme perguruan.

Objektif Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada beberapa objektif berikut:

- i. Mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran pedagogi di kalangan pelajar tahun akhir di fakulti pendidikan.
- ii. Mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran pedagogi di kalangan pelajar tahun akhir di fakulti pendidikan mengikut aspek kemahiran-kemahiran berikut :
 - a. perancangan pengajaran
 - b. strategi pengajaran
 - c. penggunaan bahan bantu mengajar
 - d. pengurusan bilik darjah
 - e. penilaian pengajaran
 - f. pengayaan dan pemulihan
- iii. Mengenalpasti perbezaan di antara jantina dan jabatan responden dengan aspek kemahiran-kemahiran Pedagogi.

Kepentingan kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan satu gambaran umum mengenai tahap penguasaan kemahiran pedagogi di kalangan pelajar tahun akhir di fakulti pendidikan UTM dari aspek kemahiran perancangan pengajaran, strategi pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar, pengurusan bilik darjah, penilaian pengajaran, serta pengayaan dan pemulihan.

Kajian ini akan membantu penyelidik untuk mengetahui lebih luas tentang tahap penguasaan pelajar secara keseluruhannya dalam pelbagai kemahiran yang terdapat di dalam ilmu pedagogi yang telah dipelajari dalam mempersiapkan diri mereka untuk menceburi bidang pekerjaan kelak. Penyelidik berharap agar maklumat yang diperolehi hasil dari data yang dikutip kelak dapat digunakan sewajarnya untuk diambil tindakan atau mencari jalan yang lebih berkesan dalam memantapkan penguasaan kemahiran pedagogi di kalangan pelajar-pelajar di fakulti pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

Skop Dan Batasan Kajian

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif yang akan dijalankan di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Skop utama kajian adalah untuk mengkaji tahap penguasaan kemahiran pedagogi dari aspek kemahiran perancangan pengajaran, strategi pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar, pengurusan bilik darjah, penilaian pengajaran, serta pengayaan dan pemulihan. Penyelidik hanya memilih pelajar-pelajar tahun akhir di Fakulti Pendidikan di UTM dari bidang Sains Teknikal yang dibahagikan kepada 3 kumpulan iaitu Sains dan Matematik, Multimedia dan Sains serta Teknikal dan Kejuruteraan. Ketiga-tiga kumpulan ini dikategorikan mengikut jabatan masing-masing iaitu Jabatan Pendidikan Sains dan Matematik bagi kumpulan Sains dan Matematik, Jabatan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan bagi kumpulan Teknikal dan Kejuruteraan serta Jabatan Multimedia Pendidikan bagi kumpulan Multimedia dan Sains.

Kajian ini tertumpu kepada pelajar-pelajar tahun akhir di Fakulti Pendidikan yang telah menjalani latihan mengajar selama 14 minggu. Ketepatan data yang diperolehi daripada responden adalah bergantung kepada kejujuran responden semasa menjawab borang soal selidik. Kajian ini merupakan satu penilaian yang dijalankan di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Oleh yang demikian kajian ini tidak benar di fakulti dan universiti lain.

Rekabentuk Kajian

Menurut Mohd Najib (1999), rekabentuk kajian adalah teknik dan kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan. Kajian ini adalah satu kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan (survey) dan menggunakan satu set soal selidik. Soal selidik mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data juga senang diproses untuk dianalisis (Mohamad Najib, 1999).

Menurut Azizi Yahaya et. al (2007), secara umumnya terdapat dua jenis tinjauan iaitu tinjauan deskriptif dan tinjauan penerangan. Bagi tinjauan deskriptif, sampel yang mewakili populasi adalah rumit dalam pengujian memandangkan tiadanya jangkakan pada populasi. Ciri-ciri utama utama dalam tinjauan adalah seperti berikut :

- a) Ia memerlukan sampel responden untuk mendapatkan maklum balas daripada soalan-soalan bagi tujuan perbandingan.
- b) Ia menggunakan set soal selidik yang diberi atau dihantar kepada responden melalui pos.
- c) Responden mewakili populasi yang ditafsirkan.
- d) Keputusan yang diperolehi melalui tinjauan ke atas sampel mewakili populasi secara am.
- e) Ia menggunakan set soal selidik yang standard supaya perbandingan hasil dapatan dengan populasi yang berbeza dapat dilaksanakan.
- f) Tinjauan perlu dikendalikan dalam format yang sama atau seragam.

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian kaedah tinjauan berbentuk deskriptif iaitu satu kajian soal selidik yang akan menerangkan persoalan bagi suatu fenomena yang sedang berlaku dan seringkali bermatlamat untuk meneroka suatu bidang yang belum atau kurang dikaji (Mohd Majid,1990). Tinjauan kajian ini dibuat untuk mendapatkan gambaran dan maklumat tentang tahap penguasaan kemahiran pedagogi di kalangan pelajar tahun akhir di Fakulti Pendidikan, UTM.

Sampel Kajian

Menurut Azizi Yahaya et. al (2007), sampel ialah sebahagian daripada populasi tanpa mengambil kira sama ada ia dapat menjadi wakil populasi ataupun sebaliknya. Terdapat beberapa teknik yang dapat digunakan bagi mendapatkan sampel yang mewakili populasi dengan tepat. Menurut Azizi Yahaya et.al (2007), terdapat tiga kaedah pensampelan iaitu seluruh populasi, sampel rawak dan sampel tidak rawak.

Dalam kajian ini, penyelidik telah mengambil sampel kajian seramai 186 orang pelajar tahun akhir di Fakulti Pendidikan yang merupakan pelajar-pelajar dari bidang Sains Teknikal yang terdiri daripada 3 jabatan iaitu Jabatan Pendidikan Sains Dan Matematik, Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan serta Jabatan Multimedia Pendidikan. Responden terdiri daripada pelajar-pelajar yang telah mengambil subjek Pedagogi, Pengajaran Mikro dan telah

menjalani latihan mengajar selama 14 minggu di sekolah-sekolah tertentu. Jadual 3.1 di bawah menunjukkan taburan sampel mengikut jabatan masing-masing.

Instrumen Kajian

Mengikut Narina A. Samah (2005) dalam Nurul Zawana (2006), instrument kajian adalah satu cara yang digunakan untuk mengumpulkan data dan terdapat soalan-soalan atau kenyataan-kenyataan yang dibentuk khas untuk memperoleh maklumat penyelidikan. Terdapat lima kaedah untuk mendapatkan data iaitu kaedah soal selidik, kaedah pemerhatian, kaedah temubual, kaedah ujian dan kaedah dokumen.

Dalam membentuk instrumen kajian, penyelidik merujuk kepada persoalan dan objektif kajian sebagai landasan dalam setiap instrumen yang dibuat. Persoalan kajian pula adalah dirujuk daripada 'Buku Panduan Latihan Praktikal' yang digunakan oleh pensyarah Fakulti Pendidikan sewaktu membuat penilaian latihan praktikal pelajar sebagai rangka kerja kajian ini. Penyelidik menggunakan kemahiran-kemahiran pedagogi yang terdapat dalam buku tersebut semasa membuat persoalan kajian dan seterusnya membina instrumen kajian berdasarkan kemahiran pedagogi yang terlibat. Penyelidik menambah satu lagi aspek kemahiran pedagogi yang ingin dikaji iaitu pengayaan dan pemulihan.

Menurut Bhasah Abu Bakar (2003) dalam Nurul Zawana (2006), soal selidik adalah satu instrumen di mana responden menjawab soalan dengan menulis atau menanda jawapan yang sesuai dengan pendapat atau kehendak responden. Kelebihan soal selidik ialah ianya boleh diposkan atau boleh diedarkan kepada ramai orang dalam masa singkat. Dalam kajian ini, instrumen yang akan digunakan adalah berbentuk soal selidik. Penyelidik merasakan kaedah ini paling sesuai digunakan bagi mendapatkan data dan maklumat daripada responden. Melalui kaedah ini, maklumbalas terhadap aspek kemahiran pedagogi yang dikaji dapat diperolehi secara langsung daripada responden.

Kajian Rintis

Menurut Mohd Najib (1999), kajian rintis adalah bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Apabila masa kajian melalui tahap perancangan dan sampai ke tahap soal-selidik dibina, banyak usaha dan wang dilaburkan. Oleh itu, kajian rintis soal-selidik pada tahap ini adalah berguna bagi mendedahkan kekeliruan dan soalan bermasalah yang wujud (Azizi Yahaya, 2007). Di antara tujuan kajian rintis adalah seperti berikut:

- a) Untuk mengetahui sejauh mana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrument terhadap sampel kajian. Ini tertumpu kepada penggunaan istilah dan struktur ayat yang digunakan dalam soal selidik.
- b) Untuk mengetahui sejauh mana sampel memahami setiap pernyataan yang digunakan.
- c) Untuk menganggarkan masa yang sesuai untuk mentadbir set soal selidik bagi kajian sebenar.

Menurut Mohd Najib (1999), sampel kajian rintis tidak perlu besar dan kajian rintis perlu dilakukan dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji sebelum penyelidik menjalankan kajian sebenar. Justeru itu, penyelidik telah memilih 15 orang pelajar tahun tiga dari Jabatan Pendidikan Sains Dan Matematik, Jabatan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan dan Jabatan Multimedia Pendidikan di Fakulti Pendidikan sebagai sampel untuk kajian rintis.

Setelah borang soal selidik dijawab, kebolehpercayaan soal selidik dianalisis menerusi *Reliability Analysis-Scale Alpha* dengan menggunakan perisian Statistical Package for Science Social (SPSS 13.0). Menurut Mohd Najib (1999), kajian rintis yang mencapai nilai 0.8 ke atas adalah mempunyai kebolehpercayaan soalan yang tinggi.

Penyelidik telah menjalankan kajian kajian rintis terhadap 52 soalan bahagian B borang soal selidik yang terdiri daripada item-item berkaitan dengan objektif kajian. Selepas borang soal selidik dijawab, kebolehpercayaan soal selidik dianalisis menerusi *Reliability Analysis-Scale Alpha* dengan menggunakan perisian komputer Statistical Package For Science Social (SPSS 13.0). Hasil analisis mendapati kebolehpercayaan soalan berada pada aras yang tinggi iaitu 0.941 ($\alpha = 0.941$).

Rumusan Terhadap Aspek Kemahiran Pedagogi Yang dikaji

Jadual 1 : Tahap Penguasaan Kemahiran Pedagogi Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Skor Min	Tahap
0.00 – 1.66	Rendah
1.67 – 3.33	Sederhana
3.34 – 5.00	Tinggi

Jadual 2 : Rumusan Terhadap Aspek Kemahiran Pedagogi Yang dikaji

Kemahiran Pedagogi	Min	Tahap
Kemahiran Perancangan Pengajaran	4.21	Tinggi
Kemahiran Strategi Pengajaran	3.74	Tinggi
Kemahiran Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	4.12	Tinggi
Kemahiran Pengurusan Bilik Dajjah	4.04	Tinggi
Kemahiran Penilaian Pengajaran	4.03	Tinggi
Kemahiran Pengayaan Dan Pemulihan	3.56	Tinggi
Purata:	3.95	Tinggi

Jadual 2 menunjukkan keenam-enam aspek kemahiran pedagogi yang telah dikaji oleh penyelidik bagi mengetahui tahap penguasaan pedagogi di kalangan pelajar tahun akhir di Fakulti Pendidikan UTM Skudai. Nilai min dan tahap bagi setiap kemahiran dipaparkan di dalam jadual 2. Turut dipaparkan juga adalah min keseluruhan bagi keenam-enam kemahiran pedagogi yang menjadi objektif kajian ini beserta tahap penguasaan secara keseluruhannya.

Seperti yang dipaparkan dalam jadual 2, aspek kemahiran perancangan pengajaran mencatatkan nilai min keseluruhan sebanyak 4.21 di mana ia berada pada tahap tinggi. Bagi kelima-lima aspek kemahiran pedagogi yang berikutnya juga turut berada pada tahap tinggi dengan catatan nilai min keseluruhan sebanyak 3.74, 4.12, 4.04, 4.03 dan 3.56. Secara keseluruhannya, aspek kemahiran perancangan pengajaran mencatatkan nilai min tertinggi sebanyak 4.21 manakala aspek kemahiran pengayaan dan pemulihan mencatatkan nilai min

terendah sebanyak 3.56. Min keseluruhan bagi keenam-enam aspek kemahiran pedagogi adalah sebanyak 3.95 di mana ianya turut berada pada tahap yang tinggi.

Perbezaan Di Antara Jantina Responden Dengan Aspek Kemahirankemahiran Pedagogi

Dalam bahagian ini, penyelidik menggunakan kaedah Ujian-t bagi mengenal pasti perbezaan yang wujud di antara jantina responden dengan kemahiran-kemahiran pedagogi yang dikaji.

Jadual 3 : Perbezaan Di Antara Jantina Responden Dengan Aspek Kemahiran Pedagogi

Kemahiran Pedagogi	Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan
Perancangan Pengajaran	Lelaki	43	4.13	0.40	184	-1.462	0.145
	Perempuan	143	4.24	0.44			
Strategi Pengajaran	Lelaki	43	3.81	0.36	184	1.230	0.220
	Perempuan	143	3.72	0.44			
Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	Lelaki	43	4.12	0.47	184	-0.014	0.988
	Perempuan	143	4.12	0.52			
Pengurusan Bilik Darjah	Lelaki	43	4.06	0.45	184	0.252	0.801
	Perempuan	143	4.03	0.52			
Penilaian Pengajaran	Lelaki	43	4.02	0.40	184	-0.223	0.823
	Perempuan	143	4.04	0.47			
Pengayaan Dan Pemulihan	Lelaki	43	3.59	0.48	184	0.306	0.760
	Perempuan	143	3.56	0.52			

*Signifikan pada aras keertian .05

Berdasarkan Jadual 3, nilai signifikan di antara jantina dengan kemahiran perancangan pengajaran adalah sebanyak 0.145 iaitu melebihi aras keyakinan yang ditetapkan iaitu 0.05. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara dua pembolehubah ini. Nilai signifikan yang diperolehi di antara jantina dengan kemahiran strategi pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar, pengurusan bilik darjah, penilaian pengajaran serta pengayaan dan pemulihan juga adalah lebih besar daripada aras keyakinan yang ditetapkan. Ini turut menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina dengan kelima-lima kemahiran pedagogi seperti di dalam Jadual 3.

Perbezaan Di Antara Jabatan Responden Dengan Aspek Kemahirankemahiran Pedagogi

Dalam bahagian ini, penyelidik menggunakan kaedah ANOVA bagi mengenal pasti perbezaan yang wujud di antara jabatan responden dengan kemahiran-kemahiran pedagogi yang dikaji.

Jadual 4 : Perbezaan Di Antara Jabatan Responden Dengan Aspek Kemahiran Pedagogi

Kemahiran Pedagogi		Df	Min	F	Signifikan
Perancangan Pengajaran	Antara Kumpulan	2	0.0	0.016	0.984
	Dalam Kumpulan	183	0.19		
Strategi Pengajaran	Antara Kumpulan	2	0.33	1.808	0.167
	Dalam Kumpulan	183	0.18		
Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	Antara Kumpulan	2	1.24	5.063	0.007
	Dalam Kumpulan	183	0.25		
Pengurusan Bilik Darjah	Antara Kumpulan	2	0.20	0.786	0.457
	Dalam Kumpulan	183	0.26		
Penilaian Pengajaran	Antara Kumpulan	2	1.00	5.008	0.008
	Dalam Kumpulan	183	0.75		
Pengayaan Dan Pemulihan	Antara Kumpulan	2	0.25	2.991	0.053
	Dalam Kumpulan	183			

*Signifikan pada aras keertian .05

Berdasarkan Jadual 4, nilai signifikan di antara jabatan responden dengan kemahiran perancangan pengajaran, strategi pengajaran dan pengurusan bilik darjah masing-masing sebanyak 0.984, 0.167 dan 0.457 iaitu melebihi aras keyakinan yang ditetapkan sebanyak 0.05. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan di antara pembolehubah-pembolehubah ini.

Nilai signifikan yang diperolehi di antara jabatan dengan kemahiran penggunaan bahan bantu mengajar, penilaian pengajaran serta pengayaan dan pemulihan adalah sebanyak 0.007, 0.008 dan 0.053 iaitu kurang daripada aras keyakinan yang ditetapkan sebanyak 0.05. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan di antara jabatan responden dengan ketiga-tiga kemahiran pedagogi ini.

Perbincangan

Terdapat beberapa kemahiran penting seperti merancang set induksi, menulis objektif pengajaran, merancang isi pengajaran, membuat penutup pengajaran dan refleksi diri dimuatkan di dalam item-item bagi aspek kemahiran perancangan pengajaran. Melalui analisis yang telah

dibuat, tahap penguasaan responden berada pada tahap yang tinggi. Ini kerana min keseluruhan adalah sebanyak 4.21 di mana ianya berada pada tahap tinggi mengikut skala yang digunakan dalam kajian ini. Ini bermakna, pelajar tahun akhir mampu dan boleh membuat perancangan pengajaran yang berkesan untuk sesi pengajaran mereka.

Kemahiran merancang set induksi merupakan kemahiran guru dalam memulakan dan memperkenalkan sesuatu topik yang hendak diajar (Paintal, 1980). Berdasarkan analisis kajian, seramai 155 orang responden bersetuju bahawa mereka boleh merancang set induksi yang unik sebelum memulakan pengajaran. Ini penting untuk menarik perhatian pelajar dalam mengikuti pelajaran guru. Selain daripada itu, majoriti responden seramai 171 orang bersetuju bahawa mereka merancang set induksi yang berkaitan dengan pengalaman pelajar. Ini kerana pengalaman pelajar perlu diambilkira dalam merancang set induksi bagi memastikan mereka lebih tertarik dengan set induksi yang berkaitan dengan kehidupan sekeliling.

Dalam kemahiran menutup pengajaran, seramai 162 orang responden bersetuju bahawa mereka mengulang isi-isi penting sewaktu menutup pengajaran. Ini selaras dengan pandangan Lesley (2002) iaitu penutup pengajaran mestilah dapat member gambaran keseluruhan bagi sesuatu pengajaran. Melalui pengulangan isi-isi penting, guru dapat membantu pelajar mengingati semula apa yang telah mereka belajar dan memberi gambaran keseluruhan pengajaran yang telah dibuat.

Terdapat 16 item yang meliputi kemahiran menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan guru, pelajar, kaedah induktif, kaedah deduktif, teknik hafalan dan penyelesaian masalah diketengahkan dalam aspek kemahiran strategi pengajaran Melalui analisis yang telah dibuat, tahap penguasaan responden dalam kemahiran strategi pengajaran berada pada tahap yang tinggi berdasarkan min keseluruhan sebanyak 3.74.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa mereka cenderung menggunakan teknik penyelesaian masalah dalam pengajaran di mana seramai 169 orang responden bersetuju bahawa mereka sering menggalakkan pelajar berinteraksi di antara satu sama lain untuk mencari penyelesaian sesuatu masalah. Dengan ini boleh disimpulkan bahawa tahap penguasaan kemahiran pedagogi di kalangan pelajar tahun akhir di fakulti pendidikan dari aspek strategi pengajaran berada pada tahap tinggi dan memberangsangkan.

Dapatan kajian turut menunjukkan majoriti responden seramai 160 orang dengan nilai min sebanyak 4.22 bersetuju bahawa mereka memastikan bahan bantu mengajar boleh berfungsi dengan baik semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Ini penting untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan seperti yang dirancang. Responden juga memberikan persetujuan yang tinggi bahawa mereka menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan tajuk dan objektif pengajaran dengan nilai min sebanyak 4.20. Justeru itu, boleh disimpulkan bahawa penguasaan responden dalam kemahiran penggunaan bahan bantu mengajar berada pada tahap yang tinggi.

Rujukan

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusuf Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Buku Panduan Latihan Praktik (2007). Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Dale, E. (1983). *Audio Visual Methods In Teaching*. New York: Holt Rinehart and Winston.
- Esah Sulaiman (2003). *Asas Pedagogi*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.

- G.Terry Page (1975). *International Dictionary Of Education*. New York: Kogan Page/Nichols Co.
- Jay M. Shafritz (1997). *Dictionary Of Education*. New York: Fact On File.
- Krejcie, R.V and Morgan D.W. *Determining Sample Size For Research Education And Psychological Measurement*. 1970, 30, 607-610.
- Lesley, S. dan Michael, G. (2002). *The Third Dimension*. Cambridge, UK: Royal Society Of Chemistry.
- Mok Soon Sang (1993). *Pedagogi 4*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- N. L Gage dan David Berliner (1991). USA: Houghton Mifflin Company.
- N.S Rajendran (2001). *Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Kesediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran Pembelajaran*. Fakulti Sains Kognitif Dan Pembangunan Manusia. Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Omardin Ashaari (1999). *Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Paintal, I. (1980). *Micro Teaching – A Handbook For Teachers*. Delhi: Oxford University Press.
- Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib (1995). *Pengajaran Dalam Bilik Darjah: Kaedah dan Strategi*. Kajang: Masa Enterprise.
- Schmeck, R (1988). *Learning Strategies And Learning Styles*. New York: Plenum Press.
- T. Komate (2008). *Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Penggunaan Modul Pembelajaran Kendiri Berasaskan Rekabentuk Teori Beban Kognitif*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Nor Shamimi Wan Hussin (2006). *Hubungan Antara Faktor Program Motivasi, Pengajaran Guru, Pemakanan Dan Minat Pelajar Dengan Pencapaian Matematik Di Kalangan Pelajar*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.